

Jangan jadikan pengambilan pekerja asing satu fenomena

Oleh **ASLINDA NASIR**

Aslinda.nasir@mediamulia.com.my

KUALA LUMPUR: Malaysia perlu membuat perubahan dengan tidak menjadikan pengambilan pekerja asing sebagai satu fenomena tetap.

Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim berkata, langkah itu supaya rakyat tempatan memperoleh pekerjaan dengan gaji yang setimpal seperti dalam perladangan dan sebagainya.

“Jangan kita anggap pengambilan pekerja asing itu sebagai satu fenomena yang tetap. Harus ada langkah-langkah seperti yang saya sebut, ada syarikat di bawah PNB yang guna mekanisasi dan akibatnya pekerja tempatan itu masuk, tentu gaji lebih tinggi

kerana mekanisasi.

“Ada usaha majikan dan kalau perlu kalau kita gunakan insentif tambahan untuk meminta majikan membuat penyesuaian dan pekerja tempatan senang menerima dengan gaji yang lebih tinggi,” katanya.

Beliau berkata demikian ketika ditemui media selepas melancarkan Skim Keselamatan Sosial Suri Rumah dan Karnival Kerjaya MYFutureJobs di Pusat Konvensyen Kuala Lumpur, di sini semalam.

Dalam hal ini, jelas Anwar lagi, kerajaan perlu bekerjasama rapat dengan kementerian berkaitan bagi menyelesaikan isu berkenaan.

Malah, katan beliau, majikan juga perlu mencari penyelesaian agar tidak berlaku isu pengurangan pekerja sehingga

merencatkan operasi sesebuah syarikat.

“Ladang-ladang, syarikat, restoran mengeluh kerana kurang pekerja, tunggu bertahun-bertahun, ladang pengeluaran terhambat, restoran ribuan ditutup.

“Kita masih tunggu keputusan cari pekerja tempatan, ia mesti dikaji dan dicari,” katanya lagi.

Dalam perkembangan berkaitan, Menteri Sumber Manusia, V. Sivakumar berkata, setakat 31 Januari tahun ini, seramai 141,144 orang suri rumah mencarum di bawah Skim Keselamatan Sosial Suri Rumah (SKSSR).

Jelasnya, daripada jumlah tersebut, 135,281 orang adalah suri rumah yang berdaftar dengan e-Kasih dan mencarum

dengan i-Suri KWSP, di mana caruman SKSSR mereka ditaja oleh kerajaan selama setahun di bawah peruntukan Bajet 2022.

“Kementerian Sumber Manusia dengan kerjasama pelbagai pihak, akan terus melaksanakan aktiviti libat urus, program kesedaran, promosi dan sebagainya bagi memastikan rakyat Malaysia memahami tentang SKSSR dan perlindungan yang disediakan.

“Dalam masa yang sama turut memaklumkan seramai 294,044 daripada 879,601 pencari kerja berjaya memperoleh pekerjaan melalui portal pekerjaan *MyFutureJobs* di bawah kendalian Lembaga Pertubuhan Keselamatan Sosial (Perkeso) pada tahun lalu,” ujarnya.